

04 FEB 1997

Annuar-Kemiskinan

MALAYSIA YAKIN CAPAI KEMISKINAN SIFAR MENJELANG 2000

WASHINGTON, 4 Feb (Bernama) -- Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa yakin bahawa Malaysia adalah antara beberapa negara yang akan mencapai matlamat "kemiskinan sifar" menjelang tahun 2000, dengan menjadikan kredit mikro sebagai senjata yang berkesan.

Kredit mikro atau pinjaman kecil kepada penduduk miskin bagi menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan boleh digunakan sebagai senjata berkesan untuk membasmi kemiskinan, katanya pada wartawan Malaysia di sini, Isnin.

Malaysia akan melancarkan Institut Kemajuan Luar Bandar, tidak lama lagi, bagi melatih pengamal dan peguam kredit-mikro di Asia Pasifik, kata Annuar yang mewakili Perdana Menteri pada Sidang Kemuncak Kredit Mikro pertama, di sini, yang berakhir Isnin.

Sidang kemuncak itu, yang dihadiri ketua-ketua kerajaan dan isteri masing-masing, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, telah melancarkan kempen sembilan tahun untuk membantu 100 juta keluarga termiskin di dunia memperolehi pinjaman bagi memulakan perniagaan kecil menjelang 2005.

Annuar berkata kerajaan memperuntukkan RM200 juta untuk Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) membantu mengurangkan kemiskinan menerusi program kredit mikro.

Beliau berkata peranan AIM akan diperkukuhkan bagi membenarkan agensi bukan kerajaan memberi bantuan kepada mereka yang hidup di bawah paras kemiskinan. Pada masa ini, kredit mikro diberi kepada mereka yang sangat miskin.

Beliau juga berkata menteri-menteri pembangunan luar bandar akan mengadakan pertemuan di Kuala Lumpur pada Julai ini untuk membincangkan pembasmian kemiskinan di rantau ini.

Pengarah Urusan AIM, Haji Mukhtar Ramli, berkata kadar kredit mikro AIM ialah dari RM1,000 hingga RM10,000 dan peminjam dikenakan sekali sahaja bayaran pemprosesan iaitu sehingga 14 peratus pinjaman.

Beliau juga gembira dengan kadar bayaran pinjaman iaitu 99.5 peratus. Daripada RM112 juta yang diagihkan untuk pinjaman, hanya RM37,000 yang belum dibayar antara 1986 dan 1996.

Terdahulu, isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, yang mengetuai delegasi Malaysia ke sidang kemuncak itu, mengunjungi Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina dan Ratu Fabiola dari Belgium.

Dr Siti Hasmah berkata Sheikh Hasina telah secara rasmi mempelawanya dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Bangladesh. Seorang menteri Bangladesh akan dihantar ke Kuala Lumpur tidak lama lagi untuk membuat jemputan rasmi kepada Perdana Menteri.

Dr Siti Hasmah, yang pulang ke Malaysia Isnin, juga menghadiri sidang kemuncak itu dengan kapasitinya sebagai presiden Jawatankuasa Pemandu Antarabangsa mengenai Kemajuan Ekonomi Wanita Luar bandar dan Kepulauan (ISC), iaitu kumpulan 18 wanita pertama dan isteri ketua-ketua kerajaan.

Beliau berkata ISC akan mengadakan mesyuaratnya di Kuala Lumpur tahun depan untuk membincangkan program-program kredit mikro sebagai alat untuk meningkatkan taraf hidup wanita.

Beliau diiringi Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail. -- BERNAMA

SH NAK